

Usaha kembang program ICT perlu dilakukan

SUBANG, Jumaat – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata usaha perlu dilakukan bagi mempertingkatkan dan memperkembangkan program teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) untuk merapatkan jurang di kalangan rakyat dan antara negara-negara lain.

Timbalan Perdana Menteri berkata, walaupun pelbagai usaha sudah dilakukan bagi meningkatkan pembangunan ICT, kerajaan sedar jurang itu masih wujud.

Katanya, sebagai perbandingan mengikut data yang dikumpul pada 1999 'Penetration Rate' komputer peribadi (PC) di Amerika Syarikat adalah 450 PC bagi setiap 1,000 orang. Di Jepun pula 228. Singapura (316) berbanding di Malaysia hanya 65 PC bagi setiap 1,000 orang.

"Kerajaan sedar tahap akses teknologi maklumat khususnya komputer peribadi (PC) masih rendah," katanya ketika melancarkan unit Internet bergerak yang pertama di Malaysia dan rantau ini di Sekolah Menengah Kebangsaan Seafield Subang

Jaya di sini hari ini.

Beliau berkata jumlah server Internet sedunia adalah 43.2 juta dan daripada jumlah itu, kira-kira 80 peratus berada di Amerika Syarikat, 17 peratus di negara-negara maju yang lain manakala di Malaysia cuma 0.1 peratus saja.

Abdullah berkata, melalui maklumat balas Majlis Teknologi Maklumat Negara (MTMN) masalah itu dikenal pasti dan perancangan sedang dibuat bagi menggerakkan Malaysia ke arah dunia elektronik.

Katanya, Jawatankuasa Pelaksanaan Teras Strategik sudah ditubuhkan dan kini memberi fokus kepada lima bidang teras iaitu Komuniti Elektronik, Perkhidmatan Awam Elektronik, Ekonomi Elektronik, Pembelajaran Elektronik dan Kedaulatan Elektronik.

Beliau berkata, matlamat kerajaan adalah untuk memastikan semua rakyat tidak kira di bandar atau di desa bersedia dengan corak pemikiran yang mantap bagi menghadapi cabaran dan mengadaptasi peluang dalam

dunia elektronik.

Pelancaran Unit Bergerak Internet itu adalah satu projek Pembelajaran Elektronik.

Unit Bergerak Internet itu adalah sebuah bas mewah berharga RM605,000 yang dilengkapi 20 komputer akan menjadi kenderaan untuk guru dan pelajar terutama di pedalaman mempelajari, menimba pengetahuan dan pengalaman dunia elektronik dengan melayari Internet.

Dengan menelan kos lebih RM1 juta, ia turut disediakan dengan seorang fasilitator ICT yang akan bergerak ke 20 sekolah di Selangor pada peringkat enam bulan percubaan ini bagi mendedahkan pelajar dan guru dengan pembelajaran multimedia.

Abdullah berkata Unit Bergerak Internet itu adalah satu usaha positif untuk mengurangkan jurang akses kepada teknologi maklumat dan komunikasi dalam masyarakat ke arah membentuk masyarakat berilmu dan bersepatat serta menggerak minat rakyat terutama di luar bandar.